



KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

**PANDUAN PERMOHONAN PENGEQUALIAN
PENGUNAAN BIOBAHAN API DI BAWAH AKTA
INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007**

**Bahagian Biobahan Api
Kementerian Industri Utama (MPI)**

2019

KANDUNGAN

1. TUJUAN.....	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PEMAKAIAN	1
4. TAKRIFAN	2
5. PELAKSANAAN PROSES PERMOHONAN PENGEQUALIAN PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API	2
6. JAWATANKUASA PENGEQUALIAN ADUNAN BIOBAHAN API (JKPABBA)..	4
7. PENGEQUALIAN.....	5
8. TARIKH BERKUATKUASA.....	5

PANDUAN PERMOHONAN PENGECUALIAN PENGGUNAAN BIOBAHAN API DI BAWAH AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi prosedur yang diguna pakai dalam proses penilaian, kelulusan, penolakan dan pengeluaran surat pengecualian penggunaan adunan biobahan api selaras dengan Akta Industri Biobahan Api 2007 (Akta 666).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Dasar Biobahan Api Negara telah dilancarkan pada tahun 2006 sebagai kerangka hala tuju pembangunan sektor biobahan api negara. Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666) telah berkuatkuasa pada 1 Ogos 2008 dan memperuntukkan mengenai penggunaan mandatori biobahan api, pelesenan aktiviti yang berhubungan dengan biobahan api dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

2.2. Undang-undang dan garis panduan yang diperuntukkan untuk pengecualian penggunaan adunan biobahan api adalah seperti berikut:

2.2.1. Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666);

2.2.2. Peraturan-peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Peraturan Penggunaan dan Penggunaan Mandatori) 2019 (P.U. (A) 27 dan PUA (A) 129); dan

2.2.3. Piagam pelanggan MPI.

3. PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai kepada mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti atau golongan aktiviti yang menggunakan adunan biobahan api

yang terlibat menjalankan aktiviti yang menggunakan mesin, jentera, dandang atau sebarang peralatan berenjin diesel.

4. TAKRIFAN

4.1. Bagi maksud Garis Panduan ini:-

4.1.1. MPI ertinya Kementerian Industri Utama;

4.1.2. BBA ertinya Bahagian Biobahan Api;

4.1.3. JKPABBA ertinya Jawatankuasa Pengecualian Adunan Biobahan Api;

4.1.4. YBM ertinya Yang Berhormat Menteri;

4.1.5. KSU ertinya Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama; dan

4.1.6. Urus setia ertinya pegawai-pegawai Bahagian Biobahan Api (BBA) yang bertanggungjawab menyelaras permohonan pengecualian serta urus setia kepada JKPABBA.

5. PELAKSANAAN PROSES PERMOHONAN PENGECCUALIAN PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API

5.1. Pihak yang bercadang untuk mendapatkan pengecualian menggunakan penggunaan adunan biobahan api perlu membuat permohonan kepada BBA, MPI dengan mengisi **Borang Pengecualian Penggunaan Biobahan Api** seperti di **Lampiran A**.

5.2. Borang permohonan yang lengkap serta sebarang maklumat atau dokumen tambahan perlu dikemukakan kepada urus setia untuk diproses. Hanya borang yang lengkap sahaja akan diproses.

- 5.3. Borang yang dihantar secara elektronik atau faks boleh dipertimbangkan untuk diproses. Walau bagaimanapun, borang permohonan asal yang dicetak, diisi dengan lengkap dan ditandatangani pemohon perlu dikemukakan ke MPI. Borang permohonan berserta dokumen yang berkaitan perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Biobahan Api
No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
Faks: 03-8887 8354
E-mel: bba@mpi.gov.my

- 5.4. Pemohon juga dikehendaki untuk mengemukakan sebarang dokumen atau maklumat lanjut yang diperlukan oleh urus setia jika diminta berbuat demikian. Permohonan akan disemak oleh urus setia dan diproses berdasarkan **carta aliran** seperti di **Lampiran B**. Surat Akuan Penerimaan hanya akan dikemukakan kepada pemohon yang telah mengemukakan borang permohonan yang lengkap berserta dengan dokumen-dokumen atau maklumat berkaitan yang sah dalam tempoh 3 hari bekerja selepas menerima borang yang lengkap.
- 5.5. Laporan penilaian bagi permohonan yang lengkap serta memenuhi kriteria akan disediakan oleh urus setia. Laporan penilaian yang telah disediakan akan diangkat untuk perakuan JKPABBA sebelum dipertimbangkan oleh YBM.
- 5.6. YBM akan meluluskan/menolak permohonan berdasarkan syor JKPABBA atau keputusan lain yang difikirkan wajar.

- 5.7. Surat makluman awal kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya selepas YBM membuat keputusan.
- 5.8. Mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti atau golongan aktiviti yang mendapat kelulusan pengecualian penggunaan biobahan api di bawah di bawah Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 akan kemudiannya dimasukkan dalam warta pengecualian penggunaan biobahan api.

6. JAWATANKUASA PENGECUALIAN ADUNAN BIOBAHAN API (JKPABBA)

- 6.1. Seksyen 53, Akta 666 telah menetapkan Yang Berhormat Menteri (YBM) Industri Utama sebagai Pihak Berkuasa (PB) yang meluluskan pengecualian bagi penggunaan adunan biobahan api;
- 6.2. Selaras dengan Seksyen 53, Akta 666, JKPABBA telah ditubuhkan bagi membantu melaksanakan fungsi atau tugas YBM memutus atau menolak permohonan. Ahli JKPABBA terdiri daripada:
 - a) Setiausaha Bahagian Biobahan Api (BBA);
 - b) Wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
 - c) Federation of Malaysian Manufacturers (FMM);
 - d) Small Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp)
 - e) Wakil Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ);
 - f) Wakil Jabatan Kerja Raya (JKR); dan
 - g) Ahli lain yang difikirkan perlu bagi membantu menilai permohonan.
- 6.3. Tanggungjawab JKPABBA adalah untuk memastikan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon adalah tepat serta mematuhi segala undang-undang serta peraturan sedia ada. Selain itu, JKPABBA juga bertindak sebagai penasihat kepada YBM bagi memastikan permohonan yang diluluskan menepati kriteria ditetapkan.

- 6.4. JKPABBA akan bersidang mengikut keperluan dengan korum minimum sekurang-kurangnya tiga (3) ahli jawatankuasa. Urus setia akan memaklumkan tarikh yang sesuai kepada semua ahli sebelum JKPABBA dijadualkan bersidang.
- 6.5. JKPABBA juga boleh dilaksanakan secara edaran bagi permohonan yang memerlukan keputusan segera.

7. PENGECUALIAN

- 7.1. YBM/KSU selaku PB boleh mengeluarkan arahan semasa yang berasingan dengan Garis Panduan ini atau meminda atau mengecualikan peruntukan di dalam Garis Panduan ini.
- 7.2. YBM/KSU juga boleh menetapkan apa-apa pertambahan dalam Garis Panduan ini yang tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

8. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai ia di tandatangan.

**Ketua Setiausaha
Kementerian Industri Utama (MPI)**

5 April 2019